

Bagaimana Nabi Lut Dan Nabi Muhammad Menangani Golongan LGBT?: Satu Analisis Wacana

How Prophet Lut and Prophet Muhammad Dealt With LGBT Group?: A Discourse Analysis

Mohd Azrul Azlen bin Abd Hamid¹, Mohd Farid Ravi bin Abdullah²

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
21 JULAI 2020	18 OGOS 2020	16 OKT 2020

ABSTRAK

Gejala LGBT merupakan sebahagian daripada wabak yang melanda dunia sejak zaman Nabi Lut a.s sehingga ke hari ini. Ia merupakan masalah global yang perlu ditangani dengan serius. Pendekatan yang diambil oleh Nabi Lut ketika berhadapan dengan kaumnya dan cara interaksi Nabi Muhammad s.a.w dengan golongan ini memberikan panduan untuk membendung gejala ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis teks dari al-Quran dan hadis bagi memahami pendekatan dan konteks perbincangan isu ini. Bagi menganalisis kedua-dua teks ini, kaedah penyelidikan kualitatif melalui kerangka analisis wacana digunakan untuk mencapai objektif kajian. Analisis ini kemudiannya dibincangkan melalui tema-tema yang dikeluarkan melalui teks-teks yang dikaji. Selepas dianalisis, pengkaji mendapati nas-nas al-Quran yang berkaitan dengan isu LGBT menunjukkan ketegasan Nabi Lut a.s. Perkataan 'fahisyah' dan 'khabith' menunjukkan perbuatan ini adalah serius dan perlu ditangani dengan bijak. Hadis-hadis sahih pula menunjukkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w membendung wabak ini melalui pencegahan sebelum ia mula berjangkit. Perkataan 'l'aknat' yang diungkapkan oleh Nabi Muhammad s.a.w adalah salah satu bentuk pencegahan yang dilakukan oleh baginda.

Kata kunci: LGBT, Analisis wacana, Al-Quran, Kaum Nabi Lut, Sunnah

ABSTRACT

LGBT symptoms have been part of the epidemic that has plagued the world since the days of the Prophet Lut. It is a global problem that needs to be addressed seriously. The approach taken by Prophet Lut when dealing with this group of people and how Prophet Muhammad s.a.w interacted with them could provide guidance in controlling these symptoms. Therefore, this study aims to analyse the text of Al-Quran and Hadith to understand the approach and context of this issue. Discourse analysis was used to answer the research objectives. This analysis is then discussed through the themes produced from the analysed texts. Findings revealed that the Quranic texts related to the LGBT issue show the firmness of the Prophet Lut in dealing with this group. The words 'Fahisyah' and 'Khabith' indicate that this act is dangerous and needs to be handled wisely. The hadith showed that the Prophet Muhammad s.a.w prevented this outbreak before it began to spread. The word 'لعن' (curse) used in the hadith is the indicator of the prevention taken by Prophet Muhammad.

Keywords: LGBT, Discourse Analysis, Al-Quran, People of Prophet Lut, Sunnah

¹ Mohd Azrul Azlen bin Abd Hamid, PhD, Kulliyah of Languages and Management, IIUM, azrul_qlid@iium.edu.my

² Mohd Farid Ravi bin Abdullah, PhD, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS, faridravi@kuis.edu.my

1.0 Pendahuluan

Islam merupakan sebuah agama fitrah yang menghalang amalan dan budaya dan seks songsang yang merosakkan fitrah yang diciptakan oleh Allah s.w.t. Seks melalui hubungan yang sah menjadikan kehidupan manusia lebih lestari dan bahagia. Namun gejala Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) dilihat mencabar potensi besar yang dikurniakan oleh Tuhan kepada manusia.

Bagi berhadapan dengan wabak ini, al-Quran dan sunnah nabi s.a.w memberikan panduan untuk berinteraksi dengan golongan ini. Kisah kaum Lut a.s dan petunjuk dari sunnah dapat membawa kita untuk memahami isu ini dan seterusnya menjadikannya sebagai panduan. Membuat analisis ke atas ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan kisah Nabi Lut dan kaumnya, membawa kita untuk merungkai permasalahan utama yang membelenggu masyarakat pada ketika itu iaitu budaya dan amalan songsang yang suka melakukan seks bersama pasangan sejenis. Perlakuan songsang ini kemudiannya menyebabkan bahaya dan kesan yang buruk kepada jiwa, sosial, kemanusiaan, kesihatan, akhlak, perlakuan dan agama. Analisis teks-teks hadis juga bertujuan untuk memahami wabak LGBT yang melanda masyarakat Islam dulu dan realiti yang berlaku pada hari ini.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui petunjuk bagi berhadapan dengan isu ini melalui analisis teks al-Quran dan hadis sahih yang berkaitan. Analisis ini diharapkan dapat membantu masyarakat Islam memahami isu ini secara tuntas melalui panduan dari al-Quran dan sunnah Nabi s.a.w.

2.0. Objektif Kajian

- 1) Mengenalpasti pendekatan Nabi Lut dalam berinteraksi dengan golongan LGBT.
- 2) Mengenalpasti pendekatan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w dalam berinteraksi dengan golongan LGBT.

3.0. Metodologi Analisis

Analisis wacana merupakan salah satu kaedah penyelidikan kualitatif yang sesuai untuk mengkaji teks kerana ia adalah salah satu cabang disiplin ilmu dalam bidang sains sosial (Syed Arabi Idid, 1992). Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka Van Dijk (1998) untuk mengetahui struktur, strategi dan sifat sebuah teks ucapan dan interaksi verbal dalam aktiviti komunikasi. Kerangka ini lebih dikenali sebagai kognisi sosial yang mempunyai tiga dimensi yang membentuk kesatuan tematik iaitu analisis teks, analisis kognisi sosial dan analisis konteks sosial. Bagi kajian ini, kerangka Van Dijk digunakan bagi melihat kandungan dan tema yang berkaitan dengan isu LGBT adalah melibatkan teks al-Quran di samping melihat tafsir al-Quran dan hadis nabi s.a.w yang sahih. Kajian ini juga berbentuk deskriptif iaitu memberi gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Data yang diperolehi melalui ayat al-Quran dan kitab tafsir kemudiannya akan dirujuk kepada hadis-hadis nabi s.a.w yang sahih berkaitan dengan LGBT. Kemudian data-data yang diperolehi dianalisis dan dibincangkan secara tematik.

4.0. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Jika diamati, banyak ayat al-Quran yang menjelaskan bahawa apabila seseorang nabi s.a.w ingin memulakan dakwahnya, dia akan memulakannya dengan seruan agar beribadah kepada Tuhan Yang Maha Esa. Lihat sahaja permulaan dakwah Nabi Nuh a.s , Hud a.s , Soleh a.s, Syuaib a.s dan nabi-nabi yang lain ketika memulakan dakwah. Mereka bermula dengan seruan tauhid. Namun begitu, Nabi Lut a.s tidak memulakan dakwahnya dengan seruan tauhid.

4.1. Kenapa Nabi Lut tidak memulakan dakwahnya dengan seruan tauhid?

Terdapat dua jenis penyelewengan yang berlaku pada zaman dahulu sehinggalah sekarang:

1) Penyelewengan kepercayaan (aqidah)

Penyelewengan jenis ini berlaku apabila ada yang menyekutukan Allah dengan menyembah selain-Nya seperti patung dan berhala. Oleh itu, para nabi memulakan dakwah mereka dengan ‘mengubati’ penyelewengan jenis ini. Sebab itulah mesej pertama yang dimulakan adalah berkenaan seruan tauhid supaya pemikiran mereka kembali pulih dan beribadah hanya kepada-Nya.

2) Penyelewengan perlakuan (tabiat)

Inilah penyelewengan yang dihadapi oleh Nabi Lut a.s apabila berhadapan dengan kaumnya. Penyelewengan jenis ini hanya dilakukan oleh kaumnya dan tidak dilakukan oleh kaum-kaum yang lain sebelum mereka. Penyelewengan ini bukanlah penyelewengan kepercayaan yang berkaitan dengan perbuatan syirik kepada Allah. Nabi Lut mendapati kaumnya mempunyai masalah penyelewengan tabiat di mana mereka mempraktikkan aktiviti-aktiviti yang pelik dan menjadikan syahwat sebagai tuhan. Kesannya, ia menafikan fitrah kemanusiaan.

Berbalik kepada persoalan kenapa Nabi Lut tidak memulakan dakwahnya dengan seruan tauhid, apa yang boleh difahami adalah:

i-Perlakuan kaumnya adalah bertentangan dengan fitrah kemanusiaan, maka fokus perlu diberikan terlebih dahulu kepada penyelewengan besar mereka.

ii-Kaum Nabi Lut terlalu asyik dengan penyelewengan syahwat mereka. Oleh itu jika Nabi Lut memulakan dakwahnya dengan memperbetulkan penyelewengan kepercayaan mereka, adakah mereka akan mendengarnya jika syahwat telah merajai diri? Sebab itulah Nabi Lut ingin kaumnya membersihkan fizikal mereka dari syahwat yang dicemarkan dan dipertuhankan terlebih dahulu supaya mereka kembali suci sebelum dihidangkan dengan seruan tauhid. Seolah-olah Nabi Lut ingin berkata kepada mereka: “Bersihkan jasad kamu terlebih dahulu, kemudian kembalilah kepada fitrah syahwat manusia yang telah ditetapkan oleh Allah. Salurkan syahwat kamu kepada perempuan! Kemudian beribadahlah hanya kepada Allah Yang Maha Esa! (Al-Khalidi, 2007).

4.2. Bagaimanakah cara Nabi Lut berinteraksi dengan kaumnya?

Melalui analisis ayat-ayat yang berkaitan dengan kisah Nabi Lut dan kaumnya, pengkaji dapat simpulkan beberapa perkara tentang pendirian baginda:

1) Tegas dalam menyatakan yang benar dan yang salah

Hakikatnya, Nabi Lut sangat bertegas ke atas kaumnya yang melakukan perlakuan songsang secara terbuka tanpa ada perasaan malu (Al-Khalidi, 2007). Ini kerana keseluruhan dialog antara Nabi Lut dan kaumnya tidak menggambarkan sikap berlemah lembut baginda apabila menyatakan kesalahan perbuatan mereka. Nabi Lut bertegas apabila memerangi perbuatan yang berbahaya itu. Ini jelas dapat dilihat melalui firman Allah:

وَلُوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ

“Dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Lut tatkala dia berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorangpun dari penduduk alam ini sebelum kamu". (Al-‘Ankabut: 28)

Ketegasan Nabi Lut adalah kerana perbuatan keji yang dilakukan oleh kaumnya. Perbuatan keji mereka dapat kita fahami melalui perkataan-perkataan berikut:

i) Fahisyah (فاحشة)

Berdasarkan analisis ayat-ayat yang berkaitan dengan dialog Nabi Lut dengan kaumnya, tiga kali perkataan *fahisyah* disebut:

Firman Allah:

وَلُوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ

Mafhumnya: (Kami juga telah mengutus) Lut (kepada kaumnya). (Ingatlah) ketika dia berkata kepada mereka: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan *fahisyah* itu, yang belum pernah dikerjakan oleh seorangpun (di dunia ini) sebelummu?” (Al-A’raf: 80)

Firman Allah:

وَلُوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ

Mafhumnya: Dan (ingatlah kisah) Lut, ketika dia berkata kepada kaumnya: “Mengapa kamu mengerjakan perbuatan *fahisyah* itu, sedang kamu memperhatikan(nya)?” (Al-Naml: 54)

Firman Allah:

وَلُوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ

Mafhumnya: *Dan (ingatlah) ketika Lut berkata kepada kaumnya: “Sesungguhnya kamu benar-benar mengerjakan perbuatan **fahisyah** yang belum pernah dikerjakan oleh seorangpun dari umat-umat sebelum kamu.”* (Al-‘Ankabut: 28)

Menurut Ibn Faris (2001) bongkah perkataan yang berasal daripada tiga huruf iaitu fa’, ha’, dan syin menunjukkan sesuatu yang buruk, keji dan dibenci. Makna perkataan ini juga selari dengan pandangan Al-Asfahani (2009) yang menyatakan bahawa *fahisyah* adalah sesuatu yang sangat buruk. Oleh itu, penafsiran perkataan *fahisyah* sebagai homoseksual adalah berdasarkan ayat 80 surah al-A’raf yang ditafsirkan dengan ayat 81 dari surah yang sama. Firman Allah:

إِنَّكُمْ لَأَتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Mafhumnya: *Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk melepaskan nafsumu (kepada mereka), bukan kepada wanita, malah kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.* (Al-A’raf: 81)

ii) Khabaith (خبائث)

Selain *fahisyah*, perkataan *khabaith* juga digunakan bagi menggambarkan kejelekan kelakuan kaum Nabi Lut. Ini adalah berdasarkan ayat 74 dari surah al-Anbiya:

وَلَوْ طَآءَآتَيْنَهُ حُكْمًا وَعِلْمًا وَنَجَّيْنَاهُ مِنَ الْقَرْيَةِ الَّتِي كَانَتْ تَعْمَلُ الْخَبِيثَاتِ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمًا سَوِيًّا فَاسِقِينَ

Mafhumnya: *Dan kepada Luth, Kami telah berikan hikmah dan ilmu, dan telah Kami selamatkan dia dari (azab yang telah menimpa penduduk) kota yang mengerjakan perbuatan-perbuatan **khabiths** (**khaba’its**). Sesungguhnya mereka adalah kaum yang jahat lagi fasik.* (Al-Anbiya: 74)

Dari sudut bahasa, Ibn Faris (2001) menyimpulkan bahawa huruf *kha’*, *ba’* dan *tsa’* yang membentuk perkataan *khabith* (خبث) bermaksud sesuatu yang buruk, jijik dan kotor. Ia juga selari dengan pandangan al-Asfahani (2009) yang menyatakan bahawa *khabith* adalah sesuatu yang dibenci, jijik dan hina. Menurut al-Asfahani lagi, perkataan *khabith* merupakan *kinayah* bagi perlakuan homoseksual.

iii) Sayyiat (سَيِّئَات)

Menurut Al-Khalidi (2007) dan Hamka (2015), perkataan *sayyiat* merujuk kepada perbuatan jahat yang biasa dilakukan iaitu menyetubuhi sesama lelaki. Perkataan Sayyiat (سَيِّئَات) turut digunakan bagi menggambarkan perilaku yang tidak bertamadun ini. Ini berdasarkan ayat 78 dari surah Hud:

وَجَاءَهُمْ قَوْمُهُ يُهْرَعُونَ إِلَيْهِ وَمِن قَبْلُ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ

Mafhumnya: *Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan.*

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan *fahisyah*, *khabith* dan *sayyiat* turut merujuk kepada perlakuan homoseksual di mana perbuatan ini dinilai sebagai hina kerana menyalahi fitrah manusia yang normal kerana menyukai dan melakukan perbuatan seksual dengan jantina yang sama jenis.

2) Kesantunan dalam ajakan

Namun, apabila baginda memulakan ajakannya, panggilan ‘Ya Qaumi’ (wahai kaumku) meniti dibibir baginda sambil memberikan solusi agar fitrah cinta disalurkan kepada jantina yang berbeza. Firman Allah yang mafhumnya:

وَجَاءَهُمْ قَوْمُهُ يُهْرَعُونَ إِلَيْهِ وَمِن قَبْلُ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ قَالَ يَتَقَوْمٌ هَؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ

Mafhumnya: *Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: "Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka) (Hud: 78)*

Walaupun begitu, dalam kesantunan juga ada ketegasannya, apabila Nabi Lut pada ayat yang sama berkata:

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُخْزُونِ فِي ضَيْفِي أَلَيْسَ مِنْكُمْ رَجُلٌ رَشِيدٌ

Mafhumnya: *"Maka takutlah kalian kepada Allah dan jangan malukan aku di hadapan tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?" (Hud: 78)*

Berdasarkan analisis di atas juga, pengkaji juga turut mendapati bahawa seseorang yang terlibat dengan perbuatan terkutuk ini tidak dinafikan kebaikan yang dilakukannya dan ruang untuk bertaubat sentiasa terbuka kepada mereka yang ingin kembali ke pangkal jalan. Sesiapa yang terlibat dengan tabiat keji ini masih ada ruang untuk berubah kerana pintu taubat masih terbuka untuk mereka.

Berdasarkan analisis ayat-ayat di atas, pengkaji mendapati:

i-Nabi Lut sangat bertegas dengan kaumnya atas perlakuan mereka yang dilakukan secara terang-terangan. Apabila golongan LGBT mula melakukan kemungkaran secara terang-terangan dan menuntut hak yang tidak sepatutnya diberikan (hak untuk mencintai, berkahwin dan melakukan hubungan seks dengan pasangan sejenis), maka isu ini perlu ditangani secara tegas pada memerangi cara hidup songsang mereka.

ii-Namun apabila kita berbicara soal mengajak mereka kepada perkara kebaikan, santun dan hikmah perlu ada pada diri kita walaupun ia menuntut kesabaran yang indah (*fasabrun jamil*).

4.3. Bilakah Nabi Lut mula bertindak ke atas kaumnya?

1) Apabila kaumnya secara terbuka melakukan perbuatan di luar tabie di tempat mereka berkumpul tanpa ada perasaan malu apabila dilihat orang (Al-Khalidi, 2007; Hamka, 2015)

Akhlak mereka sudah sampai kepada tahap yang terendah. Tiada lagi perasaan malu apabila melakukan perkara terkutuk itu secara terbuka di hadapan orang ramai. Seolah-olah tiada beza antara perlakuan mereka dan haiwan. Sebab itulah apabila Nabi Lut melihat kaumnya sudah melampau apabila terlalu berani melakukan perlakuan songsang secara terang-terangan, dia terus memberikan peringatan melalui firman Allah:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَلْحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ

Mafhumnya: *Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan); (ingatlah peristiwanya) ketika dia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji sedang kamu nampak kejinya?* (Al-Naml: 54)

Perkataan *Fahisyah* (فاحشة) dan *Tubsirun* (تبصرون) adalah satu isyarat kepada pelaku perbuatan ini agar melihat dengan mata hati. Ini kerana sesuatu perbuatan keji yang dilihat dengan mata kepala akan menyebabkan ia dilihat sebagai kebiasaan yang tiada salahnya bahkan menganggapnya sebagai perbuatan yang baik. Ini berdasarkan firman Allah:

أَفَمَنْ زُيِّنَ لَهُ سُوءُ عَمَلِهِ فَرَآهُ حَسَنًا

Mafhumnya: *Maka (fikirkanlah) adakah seseorang yang diperelokkan kepadanya amal buruknya (oleh syaitan) lalu dia memandangnya dan mempercayainya baik,* (Fatir: 8)

2) Apabila mereka mula menghalang orang lain yang menentang keinginan songsang mereka.

3) Apabila 'wabak' ini semakin tersebar yang telah menyebabkan berlakunya kerosakan sehingga mereka beranggapan perbuatan kotor itu sebagai kebiasaan manakala menentang mereka dianggap kolot dan tidak berfikiran terbuka! Bahkan ada yang menganggap Nabi Lut sebagai 'berlagak suci'.

4.4. Analisis Wacana Teks Hadis-Hadis Sahih Berkenaan LGBT

Terdapat beberapa hadis sahih sahih yang berbicara tentang tabiat songsang kaum Nabi Lut cara Nabi s.a.w berinteraksi dengan golongan LGBT.

Hadis 1:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Mafhumnya: *Rasulullah s.a.w melaknat lelaki-lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan-perempuan yang menyerupai lelaki.* (Sulayman Bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sajistani al-Azdi (t.t.), op.cit., Kitab al-Libas, no. hadis 4097, j. 2, p. 458.)

Hadis ini menjelaskan bahawa Mak Nyah (istilah yang digunakan di Malaysia) dan Tomboi atau Penkid juga merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian kerana mereka menonjolkan diri dalam rupa jantina yang bertentangan. Lelaki menyerupai wanita manakala wanita menyerupai lelaki.

Hadis 2:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ لِبْسَةَ الْمَرْأَةِ وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ لِبْسَةَ الرَّجُلِ

Mafhumnya: *Nabi s.a.w melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.* (Hadis riwayat Abu Dawud [Kitab al-Libas, Bab Pada Pakaian Wanita, no.hadis 3575])

Hadis ini mempunyai perkaitan dengan hadis yang pertama kerana Allah melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki dari sudut cara berpakaian. Pemakaian yang menyerupai jantina lain juga adalah dilarang mengikut konteks hadis ini.

Hadis 3:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُخْتَبِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَقَالَ أَخْرِجُوهُمْ مِنْ بَيْوتِكُمْ وَأَخْرِجْ فُلَانًا وَأَخْرِجْ عُمَرَ فُلَانًا

Mafhumnya: *Nabi s.a.w melaknat lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian dengan sabdanya: “Keluarkan mereka daripada rumah-rumah kamu”. Ibn Abbas menambah dengan berkata: “Maka Nabi s.a.w telah mengeluarkan si fulan dan Umar juga telah mengeluarkan si fulan”. (Hadis riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [Kitab al-Libas (Pakaian), Bab Menghalau Keluar Lelaki Yang Menyerupai Wanita Dari Rumah, no.hadis 5436], dan [Kitab al-Hudud, Bab Manafikan Orang Yang Melakukan Maksiat dan Menyerupai Wanita, no.hadis 6331])*

Hadis ini mempunyai kesinambungan dengan hadis pertama dan kedua kerana perbuatan lelaki menyerupai wanita dan wanita menyerupai lelaki merupakan perkara yang dilaknat. Melalui hadis ini kita dapat memahami bahawa Rasulullah s.a.w bersikap tegas dengan golongan ini. Fulan yang dimaksudkan dalam hadis ini seorang lelaki yang berwatakan seperti wanita dari segi gaya percakapan, cara berjalan dan cara berpakaian. Apa yang dimaksudkan dengan Nabi s.a.w agar mengeluarkan mereka dari rumah adalah mengasingkan golongan ini supaya tidak mempengaruhi orang lain agar mengikuti perbuatan mereka itu. Berdasarkan analisis hadis-hadis di atas, pengkaji mendapati baginda Nabi s.a.w mengarahkan agar dihindarkan ‘wabak bahaya’ ini sebelum ia menular secara meluas ke dalam masyarakat.

Walaupun begitu, ia tidaklah bermaksud untuk memulau mereka yang terlibat dengan perbuatan buruk itu. Kebimbangan Nabi s.a.w adalah kepada orang di sekeliling mereka. Dari sudut pemulihan pula, usaha-usaha untuk mengembalikan mereka ke pangkal jalan melalui kefahaman ilmu perlu dilakukan secara berterusan.

Hadis 4:

لَعَنَ اللَّهُ مَنْ وَقَعَ عَلَى بَيْمَةٍ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلَ قَوْمِ لُوطٍ

Mafhumnya: *Allah melaknat sesiapa yang mendatangi binatang. Allah melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth. Allah melaknat sesiapa yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth.* (Abu Bakr Ahmad Bin al-Husayn Bin ‘Ali al-Bayhaqi (1344 H), op.cit., Kitab al-Hudud, no. hadis 17473, j. 2, p. 466)

Hadis ini dimulakan dengan laknat Allah terhadap golongan yang melakukan seks dengan binatang dan kemudiannya nabi s.a.w menyebutkan bahawa Allah melaknat golongan yang melakukan perbuatan sepertimana yang telah dilakukan oleh kaum Nabi Lut.

Hadis 5:

لَا تُبَاشِرُ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ إِلَّا وَهْمًا زَانِيَتَانِ، وَلَا يُبَاشِرُ الرَّجُلُ الرَّجُلَ إِلَّا وَهْمًا زَانِيَتَانِ

Mafhumnya: *Tidak seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melainkan mereka juga (sedang berzina).* (Hadis riwayat al-Tabarani dalam al-Mu‘jam al-Awasat [no.hadis 4157] dan al-Bayhaqi dalam Su‘ab al-Iman [no.hadis 507. Lihat Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim al-Tabarani (1415H), al-Mu‘jam al-Awsat ditahqiqkan oleh Tariq5] bin ‘Aud Allah bin Muhammad dan ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini, al-Qahirah: Dar al-Haramain, j.4, p.266 dan Abu Bakr Ahmad bin al-Husain al-Bayhaqi (1410H), Shu‘ab al-Iman, ditahqiqkan oleh Muhammad al-Sa‘id Basyuni Zaghlul, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alami, j.7, p.324.)

Hadis ini bukan sekadar berbicara tentang perbuatan menyerupai wanita lain. Ia berbicara tentang perlakuan yang lebih buruk iaitu melakukan perbuatan seks secara songsang. Fitrah manusia adalah lelaki melakukan persetubuhan dengan pasangannya iaitu wanita. Namun, perbuatan golongan gay dan lesbian yang melakukan seks sejenis merupakan perbuatan terkutuk dan termasuk dalam kategori zina.

Hadis 6:

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ فَأَقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ

Mafhumnya: *Jika kamu mendapati seseorang melakukan amalan kaum Lut, bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.* (Muhammad Bin ‘Abd Allah Abu ‘Abd Allah al-Hakim al-Naysaburi (1990), al-Mustadrak ‘Ala al-Sahihayn, Kitab al-Hudud, no. hadis 8047, j. 4. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, p. 395.)

Hadis ini menjelaskan hukuman ke atas golongan homoseksual iaitu hukuman bunuh ke atas mereka. Al-Khattabi (1932) mengatakan bahawa perbuatan kaum Nabi Lut dihukum dengan hukuman yang berat merujuk kepada azab Allah yang sangat berat yang ditimpakan sehingga mereka terbunuh kesemuanya.

4.4.1. Tema hadis-hadis sahih berkaitan LGBT

Berikut adalah tema yang dikeluarkan daripada hadis-hadis sahih tentang LGBT:

Jadual 1: Tema yang dikeluarkan daripada hadis-hadis sahih tentang LGBT

Hadis	Tema
Hadis 1	Larangan menyerupai jantina berbeza
Hadis 2	Larangan menyerupai jantina berbeza
Hadis 3	Larangan menyerupai jantina berbeza
Hadis 4	Larangan melakukan hubungan seks sesama jenis
Hadis 5	Larangan melakukan hubungan seks sesama jenis
Hadis 6	Azab atau hukuman ke atas pelaku amalan songsang

Berdasarkan hadis-hadis sahih tentang LGBT di atas kita dapat kategorikan kepada beberapa tema utama:

- i-Larangan menyerupai jantina berbeza
- ii-Larangan melakukan hubungan seks sesama jenis
- iii-Azab atau hukuman ke atas pelaku amalan songsang

Keenam-enam hadis yang dibincangkan di atas menggunakan perkataan yang merujuk kepada celaan, kenyataan dan perintah seperti berikut:

Jadual 2: Perkataan yang digunakan bagi menggambarkan keburukan perbuatan songsang kaum sejenis

Hadis	Perkataan Yang Digunakan	Ulasan
Hadis 1	لَعَنَ	Laknat ke atas golongan lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki.
Hadis 2	لَعَنَ	Laknat ke atas golongan lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.
Hadis 3	لَعَنَ	Laknat ke atas golongan lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki dan arahan agar menjauhkan golongan ini daripada masyarakat.
Hadis 4	لَعَنَ	Laknat ke atas golongan yang mendatangi haiwan dan golongan yang mengikuti perbuatan songsang Kaum Nabi Lut.
Hadis 5	لَا تُبَاشِرُ... لَا ... يُبَاشِرُ	Penjelasan bahawa perbuatan songsang yang dilakukan dosanya adalah sama seperti berzina.

Hadis 6	فَأْتُوا	Hukuman dan azab yang dikenakan ke atas pelaku amalan songsang ini setelah peringatan demi peringatan diberikan.
---------	----------	--

Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2, tema-tema yang dikemukakan sebenarnya merupakan proses atau fasa sesuatu golongan itu terlibat dengan perbuatan songsang.

Rajah 1: Tema hadis-hadis sahih berkaitan LGBT yang disusun mengikut fasa keterlibatan



Rajah 1 menunjukkan bahawa perlakuan songsang terjadi mengikut fasa-fasa berikut:

Fasa 1: Seorang lelaki atau wanita mula mempunyai kecenderungan untuk berkelakuan seperti jantina yang berbeza dengan dirinya. Ia disebabkan keinginan nafsu dan syahwat yang ingin menonjolkan dirinya dalam rupa yang berbeza. Keinginan ini kemudiannya dizahirkan melalui cara percakapan, cara berjalan dan melakukan aktiviti yang kebiasaannya dilakukan oleh jantina yang berbeza. Fasa ini juga merupakan fasa keberanian seseorang menzahirkan keinginan dalamannya secara terang-terangan melalui pemakaian yang berbeza dengan jantina individu tertentu. Gabungan antara keinginan dalaman dan keberanian memakai pakaian yang tidak sesuai dengannya menyebabkan Rasulullah s.a.w memerintahkan agar mereka diasingkan dari keluarga supaya tidak mempengaruhi orang lain. Baginda Nabi s.a.w menggunakan perkataan ‘laknat’ bagi membendung golongan ini dari terlibat dengan fasa yang seterusnya.

Fasa 2: Ini merupakan fasa yang paling kritikal yang menyebabkan seseorang atau sesuatu golongan dikenakan hukuman yang berat. Fasa ini merupakan manifestasi perlakuan perbuatan pada Fasa 1. Keberanian berpakaian songsang membawa kepada kecenderungan untuk melakukan aktiviti seksual bersama pasangan sejenis. Lelaki yang berperwatakan wanita mempunyai kecenderungan untuk melakukan seks bersama pasangan lelaki, manakala wanita yang berperwatakan lelaki mempunyai kecenderungan untuk melakukan seks bersama pasangan wanita. Selain laknat, penjelasan bahawa perbuatan songsang pada fasa ini yang menyerupai perbuatan zina merupakan indikasi bahawa ia merupakan salah satu dosa besar yang perlu dijauhi.

Fasa 3: Fasa ini merupakan fasa terakhir setelah teguran demi teguran tidak diendahkan oleh golongan ini. Hukuman atau azab merupakan perkara yang terakhir dikenakan oleh Allah.

Sebagai kesimpulannya, perkataan laknat yang digunakan melalui hadis-hadis sahih Nabi s.a.w menunjukkan amaran yang berbentuk pencegahan supaya keinginan songsang yang sekadar bermain di dalam jiwa tidak dizahirkan secara terang-terangan melalui perlakuan, cara

berpakaian, melakukan perbuatan seks dengan kaum sejenis dan akhirnya diazab oleh Allah s.w.t.

4.5. Cadangan Solusi

Menuding jari dengan menyalahkan orang lain dalam isu ini bukanlah satu jalan penyelesaian, tetapi ia perlu bermula dari kesedaran diri setiap individu. Analisis surah al-‘Araf (ayat 79-84), surah Hud (ayat 69-83), surah al-Syu’ara (ayat: 160-175), surah al-Naml (ayat 54-58), surah al-‘Ankabut (ayat 28-35), surah al-Soffat (ayat 133-138), surah al-Qamar (ayat 33-40) dan hadis-hadis sahih Nabi s.a.w berkenaan LGBT memberikan gambaran kepada kita tentang pendekatan yang diambil oleh Nabi Lut dan Rasulullah s.a.w ketika berhadapan dengan kaum yang telah menyimpang. Antara solusi untuk berinteraksi dengan masalah ini:

1) Memperkuatkan institusi kekeluargaan, masyarakat dan negara

Institusi kekeluargaan perlu dibangunkan semula. Interaksi di dunia maya perlu dikawal dan tumpuan seharusnya diberikan kepada hubungan yang mempunyai sentuhan fizikal antara ahli keluarga. Melalui sentuhan fizikal, nasihat lebih mudah untuk disampaikan dan pembentukan nilai kekeluargaan yang baik lebih mudah digarap. Jika keluarga dijaga dengan baik, masalah sosial ini dapat dibendung sama ada di peringkat masyarakat mahupun negara. Sebab itulah Rasulullah s.a.w meminta untuk mengasingkan seketika golongan LGBT supaya tidak mempengaruhi ahli keluarga yang lain. Pengukuhan institusi kekeluargaan melalui pendekatan pencegahan merupakan salah satu cara untuk membendung gejala ini dari tersebar luas. Ini berdasarkan hadis Nabi s.a.w:

لَعَنَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُحْتَنِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالْمُتَرَجِّلَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَقَالَ أَخْرِجُوهُمْ مِنْ بَيْوتِكُمْ وَأَخْرِجْ فُلَانًا وَأَخْرِجْ عُمَرَ فُلَانًا

Mafhumnya: Nabi s.a.w melaknat lelaki yang bersifat kewanitaan dan wanita yang bersifat kelakian dengan sabdanya: “**Keluarkan mereka daripada rumah-rumah kamu**”. Ibn Abbas menambah dengan berkata: “Maka Nabi s.a.w telah mengeluarkan si fulan dan Umar juga telah mengeluarkan si fulan”. (Hadis riwayat al-Bukhari dalam sahihnya [Kitab al-Libas (Pakaian), Bab Menghalau Keluar Lelaki Yang Menyerupai Wanita Dari Rumah, no.hadis 5436], dan [Kitab al-Hudud, Bab Manafikan Orang Yang Melakukan Maksiat dan Menyerupai Wanita, no.hadis 6331])

2) Memperbetulkan cara berfikir yang menyimpang

Cara berfikir dan sistem kepercayaan yang menyimpang perlu diperbetulkan terlebih dahulu agar pelakunya sedar bahawa perlakuan songsangnya boleh membawa padah dari sudut fizikal, emosi dan spiritual. Firman Allah:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ إِنَّكُمْ لَأَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Mafhumnya: Dan Nabi Lut juga (Kami utuskan). Ingatlah ketika dia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas" (Al-A'raf: 80-81)

Oleh itu, penerangan tentang bahaya gejala ini perlu disampaikan dengan penuh kasih sayang. Penjelasan perlu diberikan bahawa perlakuan songsang yang dilakukan menyebabkan mereka tergolong dalam golongan:

- *Qaumun musrifun* (Golongan yang melampaui batas) (Al-A'raf: 81)
- *Qaumun 'adun* (Golongan yang melampaui batas) (Al-Syu'ara: 166)
- *Qaumun tajhalun* (Golongan yang jahil kerana menidakkan apa yang mereka tahu) (Al-Naml: 55)
- *Qaum mujrimin* (Golongan yang berdosa) (Al-Hijr: 58)
- *Qaum munkarun* (Golongan yang melakukan perkara mungkar) (Al-Hijr: 62)
- *Qaum sau'in faasiqin* (Golongan yang jahat, fasik dan derhaka) (Al-Anbiya: 74)
- *Qaum mufsidin* (Golongan perosak) (Al-'Ankabut: 30)
- *Qaum zalimin* (Golongan yang zalim) (Al-'Ankabut: 31)

3) Menyatakan kebenaran, menentang yang salah

Setiap orang perlu ada cara berfikir sebegini. Jika tidak mampu untuk mengubah dengan tangan, buatlah apa yang termampu. Jika setiap orang punya cara berfikir begini, masyarakat akan sentiasa dikelilingi oleh ramai orang yang sentiasa menasihati. Lihatlah bagaimana Nabi Lut menegur kaumnya:

وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ

Mafhumnya: Dan (ingatkanlah peristiwa) Nabi Lut tatkala dia berkata kepada kaumnya: "Sesungguhnya kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorangpun dari penduduk alam ini sebelum kamu" (Al-'Ankabut: 28)

4) Membimbing golongan LGBT untuk kembali ke pangkal jalan

Acapkali apabila disebut tentang golongan LGBT, ada yang mencebik muka memberi tanda sinis kepada golongan ini. Lihat sahaja netizen-netizen di laman sosial. Kutukan, celaan, makian dan sumpahan menjadi peluru untuk 'menembak' golongan ini. Golongan ini juga perlu dikasihani jika berbicara dari sudut dakwah. Mereka juga mempunyai impian untuk masuk ke dalam syurga. Bimbingan supaya mereka bertaubat dan memberikan cadangan alternatif agar mereka dapat keluar dari lorong hitam itu adalah salah satu bentuk usaha yang boleh dilakukan. Lihatlah bagaimana Nabi Lut membimbing kaumya yang tersesat. Firman Allah:

وَجَاءَهُمْ قَوْمُهُمْ يُهْرَعُونَ إِلَيْهِ وَمِنْ قَبْلُ كَانُوا يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ قَالَ يَوْمَ هَؤُلَاءِ بَنَاتِي هُنَّ أَطْهَرُ لَكُمْ فَاتَّقُوا اللَّهَ وَلَا تُخْزُونِ فِي ضَيْفِي أَلَيْسَ مِنْكُمْ رَجُلٌ رَشِيدٌ

Mafhumnya: Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: "Wahai kaumku! Di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah dengan mereka). Oleh itu takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu

memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)?" (Hud:78)

5) Membina komuniti yang bertaqwa dan taat kepada agama

Komuniti yang dibina atas dasar taqwa dan taat kepada agama akan menjauhkan umat Islam daripada terperangkap dengan bisikan dan belitan iblis yang mahukan manusia menjadi hamba kepada nafsu. Kata Nabi Lut:

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطُ أَلَا تَتَّقُونَ

Mafhumnya: Ketika saudara mereka - Nabi Lut, berkata kepada mereka: "*Hendaknya kamu mematuhi perintah Allah dan menjauhi laranganNya.* (Al-Syu'ara: 161)

Para pengkaji melihat perkataan *akhuhum* (اخوهم) yang diterjemahkan kepada 'saudara mereka' di sini merujuk kepada status sosial Nabi Lut yang sebelum itu dianggap oleh kaumnya sebagai seorang yang boleh dipercayai walaupun baginda bukanlah berasal daripada mereka. Ini bermakna baginda telah bergaul dan hidup bermasyarakat bersama kaumnya dan telah melazimi mereka sehingga baginda dianggap seperti saudara mereka sendiri. Selain itu, perkahwinan baginda dengan seorang wanita yang berasal dari kaum Sodom menjadikan hubungan kemasyarakatan baginda dengan kaumnya sangat akrab seperti hubungan saudara.

5.0. Kesimpulan

Kesimpulannya, berinteraksi dengan golongan LGBT memerlukan tumpuan dan perhatian kepada teks-teks dari al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. Melalui kisah Nabi Lut, jelaslah bahawa baginda amat bertegas apabila berhadapan dengan golongan ini. Penjelasan demi penjelasan diberikan sama ada melalui dialog atau perbincangan yang tidak bersifat emosional. Namun, usaha dakwah juga terus dijalankan oleh baginda walaupun terpaksa berhadapan dengan cacian kaumnya yang telah melakukan amalan songsang. Hadis Nabi s.a.w juga memberikan panduan dalam berhadapan dengan golongan ini. Ketegasan bicara Nabi s.a.w tidak menafikan pendekatan baginda yang penuh dengan hikmah apabila menyeru golongan ini agar kembali ke pangkal jalan. Perlu dijelaskan bahawa kutukan, hinaan dan cercaan terhadap golongan ini tidak akan memberikan solusi untuk mengatasi masalah ini. Sebaiknya, pendekatan yang penuh hikmah tanpa mengabaikan ketegasan dalam menyatakan kesalahan perlakuan dosa amalan songsang perlu diterapkan dalam usaha dakwah yang dijalankan. Kajian ini hanya fokus kepada komunikasi Nabi Lut & Nabi Muhammad dalam memahami pendekatan yang diambil bagi berhadapan dengan golongan LGBT. Oleh yang demikian pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan boleh difokuskan kepada aspek psikologi dalam berhadapan dengan golongan ini melalui kaedah analisis wacana.

Rujukan

- Abu Bakr Ahmad Bin al-Husayn Bin ‘Ali al-Bayhaqi. (٢٠٠٣). *Al-Sunan al-Kubra Wa Fi Dhaylihi al-Jawhar al-Naqi*. Hayder ‘Abad: Majlis Da’irah al-Ma‘arif al-Nizamiyyah al-Ka’inah Fi al-Hind.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy‘at al-Sajastani al-Azdi. (٢٠٠٩). *Sunan Abi Dawud*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi‘.
- Al-Asfahani, Abu Al-Qasim Al-Husain. (2009). *Al-Mufradat Fi Gharib Al-Quran*. Beirut: Dar al-Qalam
- Al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari al-Ja‘fi. (2008). *al-Jami‘ al-Sahih*. al-Qahirah: al-Matba‘ah al-Salafiyyah.
- Al-Khalidi, Salah Abdul Fattah. (2007). *Al-Qasas Al-Qurani: ‘Ard Waqai’ Wa Tahlil Ahdath*. Damsyik: Dar al-Qalam
- Al-Khattabi, Abu Sulayman Hamad bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khattab al-Busti. (1932), *Ma‘alim al-Sunan*. Halab: al-Matba‘ah al-‘Ilmiyyah, j.3, p.332.
- Al-Naysaburi, Muhammad Bin ‘Abd Allah Abu ‘Abd Allah al-Hakim. (1990). *Al-Mustadrak ‘Ala al-Sahihayn*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tabarani, Sulayman bin Ahmad bin Ayyub Abu al-Qasim. (1995). *Al-Mu‘jam Al-Awsat*. Ditahqiqkan oleh Tariq bin ‘Aud Allah bin Muhammad dan ‘Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini, al-Qahirah: Dar al-Haramain.
- Al-Tabari, Abu Ja‘far Muhammad Ibn Jarir. (1995). *Jam‘ al-Bayan ‘an Ta‘wil Ayat al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Fikr
- Hamka (2015). *Tafsir Al-Azhar*. Jil. 4. Jakarta: Gema Inani.
- Ibn Faris, Abu Husain Ahmad Zakaria. (2001). *Mu‘jam Maqayyis al-Lughat*. Beirut, Lubnan: Dar I’hya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ Isma‘il al-Quraisiy. (1999). *Tafsir Al-Qur’an al-‘Azim*. Beirut, Lubnan: Maktabat al-‘Asriyyat.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Van Dijk, T.A. (1998). *Ideology: A Multidisciplinary Approach*. London: Sage.